

## SOALAN LAZIM

**1. Siapakah Yayasan Dewan Perniagaan Melayu Perlis Berhad ("YYP")?**

YYP ialah sebuah **yayasan dengan nombor pendaftaran syarikat 199201018259 (249763-U)** yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016. Ia **BUKAN** sebuah koperasi yang tertakluk di bawah Akta Koperasi 1993.

**2. Apakah produk yang ditawarkan oleh YYP?**

YYP menawarkan produk pembiayaan peribadi berdasarkan konsep Shariah tanpa cagaran, khas untuk penjawat awam Malaysia, kakitangan badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan yang terpilih sahaja. Kadar keuntungan produk YYP dikira berdasarkan kadar tetap dan penilaian kredit.

**3. Adakah saya layak memohon pembiayaan YYP?**

Anda layak jika anda memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Penjawat awam Malaysia, kakitangan badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan yang terpilih
- b. Warganegara Malaysia
- c. Berumur 20-58 tahun. Maksimum bagi anggota polis adalah berumur 55 tahun
- d. Pekerja tetap sekurang-kurangnya 6 bulan perkhidmatan
- e. Pendapatan kasar bulanan minimum sebanyak RM1,500
- f. Tidak dalam proses muflis dan / atau disenarai bankrap
- g. Melempi penelitian skor kredit YIR

**4. Bagaimanakah saya boleh memohon pembiayaan YYP?**

Anda boleh memuat turun borang permohonan melalui pautan <http://bit.ly/2oDAHtE> atau menghubungi Pemasaran kami melalui butiran hubungan yang dinyatakan pada soalan 36.

**5. Apakah maklumat yang perlu disediakan untuk permohonan pembiayaan saya?**

Anda dikehendaki menyediakan:

- a. Salinan Kad Pengenalan ("KP")
- b. Salinan Kad Pengenalan Polis yang disahkan (jika berkenaan)
- c. Salinan sah 3 bulan slip gaji terkini - disahkan oleh majikan
- d. Penyata bank terkini (akaun gaji / akaun menerima pembiayaan)
- e. Surat pengesahan jawatan
- f. Surat opsyen, jika berkenaan
- g. Surat penukaran jabatan atau surat penempatan, jika berkenaan
- h. 8. Penyata penyelesaian awal, jika berkenaan

**6. Adakah saya perlu memberi maklumat peribadi yang lain, cth. laporan kredit?**

Tidak perlu. Walau bagaimanapun, persetujuan anda untuk mendedahkan laporan kredit diperlukan untuk memudahkan proses permohonan pembiayaan. Maklumat kredit anda akan digunakan sebagai sebahagian daripada pertimbangan semasa menawarkan produk pembiayaan.

**7. Adakah penjamin atau cagaran diperlukan?**

Tiada penjamin atau cagaran yang diperlukan untuk pembiayaan peribadi YYP.

**8. Adakah maklumat peribadi yang saya disediakan untuk permohonan saya ini selamat?**

Maklumat peribadi anda disimpan dengan selamat mengikut Terma-terma Penggunaan Am dan Notis Peribadi kami. Kami menyimpan, melindungi dan memproses data peribadi anda dengan cara yang selamat dengan mengekalkan perlindungan fizikal, elektronik dan prosedur yang mematuhi undang-undang Malaysia. Sehubungan dengan pelaksanaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, kami telah mengambil langkah bagi memastikan pematuhannya. Kami akan sedaya upaya berusaha untuk mencegah sebarang pemprosesan yang tidak dibenarkan dan / atau menyalahi undang-undang, dan kehilangan, kemusnahan atau kerosakan yang tidak sengaja kepada data peribadi anda. Sila rujuk laman web kami untuk [Terma-terma Penggunaan Am](#) dan [Notis Peribadi kami](#).

**9. Bagaimanakah saya ingin menukarkan / mengemaskini maklumat setelah menghantarkan permohonan?**

Untuk menukar atau mengemaskini maklumat anda selepas menghantar permohonan, sila hubungi wakil pemasaran yang mengendalikan permohonan anda, atau rujuk soalan 31.

**10. Adakah produk pembiayaan peribadi YYP mematuhi Syariah? Apakah konsep Syariah yang digunakan?**

Ya, produk pembiayaan peribadi YYP adalah mematuhi konsep Syariah yang disarankan oleh badan penasihat Syariah.

Konsep Syariah yang digunakan ialah Murabahah, yang merujuk kepada jualan berdasarkan kos ditambah dengan kos pengambilalihan keuntungan penjual (YYP) didedahkan kepada pembeli (pelanggan) semasa kontrak.

**11. Berapakah jumlah kelayakan yang boleh saya pinjam dan berapa lama?**

Sila rujuk jadual berikut:

	<b>Pekerja Tetap</b> <i>RM</i>
<b>Min Jumlah Pembiayaan</b>	Semenanjung Malaysia: 3,000 Sabah/Sarawak: 2,500
<b>Max Jumlah Pembiayaan</b>	150,000
<b>Tempoh Pembiayaan</b>	1 – 10 tahun *

*\*Tertakluk kepada penilaian kredit.*

**12. Apakah kadar keuntungan untuk produk pembiayaan YYP?**

Kadar keuntungan yang ditawarkan boleh disemak dari semasa ke semasa bergantung pada produk kami yang terkini. Pada masa ini, kadar keuntungan kami adalah daripada 6.50% tahunan kepada 9.99% tahunan, yang akan ditawarkan bergantung pada profil kredit dan rekod kewangan anda. Kadar keuntungan akan tetap seperti yang dinyatakan dalam perjanjian sepanjang tempoh pembiayaan.

**13. Adakah rebat tunai ditawarkan untuk permohonan pembiayaan peribadi YYP?**

Produk pembiayaan peribadi YYP tidak menawarkan sebarang rebat tunai, pulangan tunai atau ganjaran tunai.

**14. Apakah manfaat anggota YYP? Adakah terdapat yuran keanggotaan?**

Keanggotaan YYP membenarkan anda memohon bantuan pembiayaan peribadi dengan YYP, tertakluk kepada kelayakan anda. Anggota lama dengan profil kredit kukuh juga lebih berpeluang untuk menikmati kadar keuntungan yang lebih menarik.

Yuran keanggotaan adalah RM20 setiap bulan dan tidak boleh dikembalikan. Dana yang diterima boleh, menurut budi bicara YYP sendiri, digunakan untuk kegiatan amal, mesyuarat untuk anggota dan/atau biasiswa kepada individu yang memenuhi syarat.

**15. Adakah yuran keanggotaan akan dipulangkan?**

Harap maaf, yuran keanggotaan tidak boleh dipulangkan.

**16. Adakah pembayaran atau ansuran lanjutan yang perlu saya tanggung?**

Perbelanjaan akan ditolak terdahulu daripada jumlah pembiayaan asal anda dan termasuk tetapi tidak terhad kepada, yuran pemprosesan, yuran broker, duti setem, caj pentadbiran, yuran langganan, yuran keanggotaan dan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (jika berkenaan). Ansuran lanjutan, antara 0 hingga 3 bulan, adalah tertakluk kepada produk yang ditawarkan kepada anda berdasarkan profil kredit dan rekod pembayaran anda dan juga akan ditolak terdahulu daripada jumlah pembiayaan asal anda. Tiada yuran guaman atau pembayaran pihak ketiga akan dikenakan selepas anda menerima pembiayaan anda.

**Oleh kerana bayaran yuran dan caj telah ditolak, anda tidak perlu membayar lagi kepada orang lain apa-apa bayaran lanjut dalam apa jua keadaan. Sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami seperti yang tertera dalam soalan 31 jika anda diminta untuk membayar sebarang bayaran tambahan oleh Wakil Pemasaran dengan segera.**

**17. Adakah terdapat perlindungan insurans atau Takaful untuk pembiayaan saya?**

Tiada liputan perlindungan insurans atau Takaful disediakan bagi produk pembiayaan YYP.

**18. Berapakah jumlah pembiayaan bersih yang akan saya terima?**

Jumlah pembiayaan bersih adalah jumlah setelah menolak semua yuran yang diperlukan dan ianya tertakluk kepada produk yang ditawarkan kepada anda. Ini akan dikemukakan dengan jelas kepada anda untuk dipertimbangkan sebelum pengesahan untuk meneruskan permohonan pembiayaan semasa proses *akad*.

**19. Bila dan bagaimanakah saya akan menerima pembiayaan?**

Permohonan pembiayaan peribadi anda akan diproses dan dibayar dalam tempoh 48 jam, tertakluk kepada kelengkapan dokumen, pengesahan majikan dan pengesahan pelanggan melalui *akad*. Perolehan akan dikreditkan ke akaun anda melalui pemindahan telegraf.

**20. Apakah maksud *akad*?**

*Akad* adalah waad antara dua pihak di mana YYP membuat tawaran kepada pelanggan untuk membuat proses urusan pembiayaan peribadi dan pelanggan bersetuju untuk menerima tawaran tersebut. Pelanggan perlu memahami soalan dan / atau pengesahan yang dikemukakan semasa proses *akad* dan memberikan butiran yang sewajarnya. Penerimaan atau penolakan tawaran oleh pelanggan harus dibuat dengan jelas sebelum perjanjian dilengkapkan. Semua perbualan semasa *akad* akan dirakam.

**21. Adakah saya akan dimaklumkan mengenai permohonan saya sekiranya permohonan saya diluluskan / ditolak / dibatalkan?**

Kami akan menghubungi anda untuk pengesahan pelanggan (*akad*) semasa proses permohonan. Anda akan dimaklumkan melalui emel sebaik sahaja pembiayaan dikreditkan ke dalam akaun selepas permohonan anda diluluskan dan anda telah menerima tawaran semasa proses *akad* dilakukan. Dengan ini, emel anda diperlukan.

Sila ambil perhatian bahawa YYP mempunyai hak penamatan seperti yang tertera dalam soalan 23 di bawah. Untuk menerima status permohonan semasa anda, sila hubungi wakil pemasaran yang mengendalikan permohonan anda.

**22. Bagaimanakah saya menarik balik atau membatalkan permohonan saya?**

**a. Hak pembatalan pelanggan**

Pelanggan berhak untuk membatalkan kemudahan pembiayaan pada bila-bila masa sebelum atau selepas pembiayaan.

**b. Sebelum pembiayaan diterima**

Anda boleh menarik balik atau membatalkan permohonan anda dengan menolak tawaran dan menyatakan keinginan anda semasa proses *akad*. Sebaliknya, sila hubungi wakil pemasaran yang mengendalikan permohonan anda.

**c. Selepas pembiayaan diterima**

Anda hanya boleh menarik balik atau membatalkan permohonan anda dalam masa 14 hari daripada tarikh perjanjian jika pembiayaan telah diterima. Jumlah penuh pembiayaan mesti dipulangkan kepada YYP dan yuran pemprosesan sebanyak RM250 akan dikenakan.

Selepas 14 hari dari tarikh perjanjian dan pembayaran, pembatalan atau menarik balik permohonan akan dikira sebagai penyelesaian awal. Anda perlu membayar YYP hutang Harga Jualan daripada kemudahan pembiayaan dan segala rebat akan tertakluk kepada budi bicara YYP. Sila rujuk soalan 28 untuk kaedah pengiraan rebat.

**23. Mengapa permohonan saya ditolak/kemudahan ditamatkan?**

**a. Pemohonan ditolak sebelum pembiayaan diterima**

Permohonan yang tidak memenuhi syarat seperti yang tersenarai dalam soalan 3 boleh dibatalkan. Permohonan anda juga boleh ditolak bergantung kepada profil kredit anda, keadaan kewangan semasa dan komitmen.

**23. Mengapa permohonan saya ditolak/kemudahan ditamatkan? (sambungan)**

**b. Kemudahan ditamatkan selepas pembiayaan diterima**

YYP berhak untuk menamatkan kemudahan yang diterima dan mempercepat pembayaran kemudahan dan/atau permintaan bayaran penuh dalam tempoh empat belas (14) hari notis bertulis jika mana-mana kejadian seperti berikut berlaku:

- Kemungkiran dalam membayar mana-mana ansuran atau pembayaran dan / atau wang lain jika perlu dibayar.
- Penyampaian petisyen kebangkrapan terhadap pelanggan.
- Jika pelanggan telah menjadi tidak waras atau mati.
- Jika maklumat yang diberikan oleh pelanggan terbukti tidak betul atau mengelirukan atau mengandungi fakta-fakta yang tertinggal.
- Jika terdapat pendapat mutlak dari YYP, kemudahan itu tidak dikendalikan dengan memuaskan.
- Jika prosiding undang-undang, mana-mana tuntutan tindakan dimulakan terhadap pelanggan.

**24. Bagaimanakah proses pembayaran ansuran bulanan berfungsi?**

Pembayaran ansuran bulanan dilakukan melalui skim potongan gaji yang tidak berdiskriminasi dan diproses oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa). Sekiranya potongan gaji tidak diaktifkan, anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami yang tertera pada soalan 36 untuk mengatur pembayaran ansuran bulanan ke atas jumlah tunggakan yang terhutang kepada kami. Walau bagaimanapun, anda bertanggungjawab untuk memastikan pembayaran dibuat dengan setiap bulan sehingga penyelesaian sepenuhnya.

Kemudahan *Direct Debit* juga boleh didapati sekiranya skim potongan gaji bulanan tidak dapat diaktifkan dan / atau diberhentikan. Anda akan bertanggungjawab untuk memastikan butiran akaun dengan YYP dikemaskini atau menandatangani Borang Kebenaran *Direct Debit* yang baru sekiranya terdapat perubahan pada akaun *Direct Debit* anda.

**25. Mengapakah terdapat perbezaan antara ansuran bulanan yang tertera dalam Perjanjian Jualan Komoditi dengan slip gaji saya?**

Perbezaan tersebut adalah caj yang dikenakan oleh Angkasa, pihak yang mengendalikan potongan gaji, caj Cukai Jualan dan Perkhidmatan dan yuran keanggotaan.

**26. Bagaimanakah ansuran bulanan dikira?**

Formula pengiraan ansuran bulanan adalah seperti berikut:

$$\text{Ansuran bulanan} = \frac{\text{Prinsipal (P)} + (\text{P} \times \text{Tempoh dalam tahun} \times \text{Kadar keuntungan})}{\text{Tempoh dalam bulan}}$$

*\*Excluding 2.12% collection fee.*

**27. Apakah yang akan berlaku jika saya terlebih membayar ansuran untuk bulan ini?**

Semua bayaran yang berlebihan akan dianggap sebagai prapembayaran dan digunakan untuk menolak baki kasar atau jumlah tunggakan. Prapembayaran bukan jumlah untuk ansuran pendahuluan dan tidak akan merendahkan bayaran keuntungan atau jumlah ansuran akan datang. Pembayaran ansuran bulanan asal masih diperlu pada bulan

27. **Apakah yang akan berlaku jika saya terlebih membayar ansuran untuk bulan ini? (sambungan)**  
berikutnya.

Pelanggan boleh meminta bayaran balik jika terdapat lebih potongan pada gaji atas sebab-sebab teknikal tertakluk kepada tiada tunggakan pembayaran yang tertunggak. Sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami seperti yang tertera pada soalan 31 untuk memudahkan pengurusan bayaran balik anda.

28. **Bilakah pembayaran ansuran bulanan saya bermula?**

Pembayaran ansuran bulanan akan tertera dalam slip gaji 3 bulan selepas anda menerima pembiayaan. Sebagai contoh, pembayaran ansuran bulanan anda akan bermula pada slip gaji April 2019 setelah menerima pembiayaan anda pada bulan Januari 2019.

29. **Bolehkah penyelesaian awal dibuat ke atas pembiayaan peribadi saya? Apakah prosedurnya?**

Ya, pembiayaan penyelesaian awal anda dibenarkan dengan mengikuti 2 langkah yang mudah.

a. **Dapatkan Penyata Penyelesaian Awal anda**

Anda perlu meminta Penyata Penyelesaian Awal sebelum membuat bayaran pembiayaan peribadi anda. Untuk mendapatkan Penyata Penyelesaian Awal:

- Lengkapkan borang permohonan perkhidmatan yang boleh didapati di <http://www.yyp.com.my> di Muat Turun > Borang Permohonan Perkhidmatan.
- Bayar yuran pemprosesan RM100 untuk setiap Penyata Penyelesaian Awal kepada:

Bank	: Ambank
Akaun nombor	: 0012010026381
Nama penerima	: Mezzanine Enterprise Sdn Bhd

- Emel borang permohonan perkhidmatan berserta nama, nombor IC dan bukti pembayaran kepada [pertanyaan@yyp.com.my](mailto:pertanyaan@yyp.com.my).

Anda akan menerima Penyata Penyelesaian Awal dalam masa 30 hari selepas pembayaran.

b. **Bayar dan selesaikan pembiayaan peribadi anda**

Selepas menerima Penyata Penyelesaian Awal anda, anda boleh membuat bayaran pembiayaan tertunggak anda berdasarkan jumlah yang tertera dalam penyata. Penyelesaian boleh dilakukan dalam bentuk pembiayaan semula melalui pembiayaan luar atau pembayaran terus melalui servis bank yang berikut:

-  **Biller Code:** 9647  
**Ref-1:** sila nyatakan no pinjaman anda  
**Ref-2:** sila nyatakan no telefon anda

JomPAY online at Internet and Mobile Banking with your Current or Savings account

- Internet Banking
- Cash Deposit Machine (CDM)

**29. Bolehkah penyelesaian awal dibuat ke atas pembiayaan peribadi saya? Apakah prosedurnya? (sambungan)**

Rebat (*Ibra'*) untuk penyelesaian awal akan mengikut budi bicara dan tertakluk kepada polisi dalaman dan dikira seperti berikut:

Rebat (*Ibra'*) = Keuntungan Belum Diperolehi x Kadar Polisi Dalaman - Kos Dan Caj Yang Dikenakan\*

\*termasuk caj penyelesaian awal, kos pembiayaan komited, bayaran yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan penyelesaian awal dan kos lain yang ditanggung / akan ditanggung akibat penyelesaian awal.

Rebat akan tertera sebagai pengurangan dalam elemen keuntungan belum diperolehi bagi kemudahan pembiayaan dan bukan dalam bentuk tunai yang akan dibayar kepada anda. Dengan ini, jumlah penyelesaian dikira seperti berikut:

Jumlah Penyelesaian = Harga Jualan Tertunggak – Rebat (*Ibra'*)

**30. Mengapa saya perlu membayar RM100 untuk Penyata Penyelesaian Awal**

Yuran pemprosesan sebanyak RM100 akan dikenakan untuk menutup semua kos yang diperlukan berikutan daripada memproses permintaan anda, termasuk pengiraan semula keuntungan untuk pertimbangan rebat dan baki tertunggak.

**31. Bolehkah saya memohon untuk menaikkan atau mengurangkan tempoh pembiayaan?**

Tidak, menaikkan atau mengurangkan tempoh pembiayaan tidak dibenarkan. Tempoh pembiayaan adalah tetap seperti termaktub dalam kelulusan pembiayaan.

**32. Apakah implikasi sekiranya saya gagal menunaikan obligasi-obligasi saya?**

Sekiranya anda gagal membuat bayaran ansuran pada tarikh yang ditetapkan, caj bayaran lewat berikut akan dikenakan:

**a. Semasa Tempoh Pembiayaan**

Caj bayaran lewat sebanyak 1.0% setahun akan dikenakan ke atas bayaran ansuran tertunggak.

**b. Selepas Tempoh Matang Pembiayaan**

Caj bayaran lewat berdasarkan kadar semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam (*Islamic Interbank Money Market* atau *IIIM*) akan dikenakan ke atas baki tertunggak Harga Jualan YYP sehingga pembayaran penuh Harga Jualan YYP. Harga Jualan YYP ialah harga jualan yang dipersetujui dibayar oleh pelanggan untuk pembelian komoditi sepertimana yang dinyatakan dalam Perjanjian Jualan Komoditi.

**c. Kemungkiran Pembayaran**

Sekiranya berlaku kemungkiran (tiada bayaran) satu (1) bulan atau lebih ansuran, tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi maklum balas terhadap notis peringatan.



**33. Apakah implikasi sekiranya saya gagal menunaikan obligasi-obligasi saya? (sambungan)**

**d. Hak Tolakan (Offset) Jumlah Tunggakan**

Jika anda mempunyai jumlah tertunggak daripada pembiayaan terdahulu bersama YYP, YYP berhak untuk menolak jumlah tunggakan daripada jumlah pembiayaan yang baru sebelum dikreditkan kepada anda.

**e. Tindakan Undang-undang**

YYP berhak untuk mengambil tindakan undang-undang dan semua kos akan ditanggung oleh pelanggan. Tindakan undang-undang terhadap anda akan menjejaskan penilaian kredit anda dan menyebabkan kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda perolehi pada masa depan.

**33. Bolehkah saya memohon lebih dari satu akaun dibawah pembiayaan peribadi YYP?**

Ya, anda boleh memohon lebih dari satu akaun untuk pembiayaan peribadi YYP tertakluk pada penolakan gaji akaun sebelumnya yang telah sempurna.

**34. Bolehkah saya memohon untuk pengurangan kadar keuntungan?**

Tidak, kadar keuntungan adalah tetap sejak dari peringkat kelulusan lagi. Ia berdasarkan penilaian kredit dan kelayakan penolakan gaji.

**35. Bolehkah saya membayar lain-lain pembiayaan seperti kad kredit atau penyatuan pembiayaan peribadi menggunakan pembiayaan yang dipohon melalui YYP?**

Ya, anda boleh lakukan. Anda perlu memberitahu kami semasa peringkat permohonan dan menyediakan dokumen-dokumen sepatutnya untuk tindakan lanjut.

**36. Dari manakah saya boleh mendapat bantuan dan pembelaan?**

Sekiranya anda menghadapi kesulitan dalam memenuhi obligasi pembayaran anda atau ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, sila hubungi kami di :

Pemasaran : 03-4047 0957

Pusat Khidmat Pelanggan : 03-4047 0888

Waktu operasi : Isnin hingga Jumaat, 9.00pg – 6.00ptg (kecuali cuti umum)

E-mel : [pertanyaan@yyp.com.my](mailto:pertanyaan@yyp.com.my)



: [PortalRasmiYYP](#)